

**Kerjasama DBKL Dan FRIM Dalam Pembangunan Biodiversiti  
Bernama  
18 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama)-- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam pengurusan hutan bandar dan pengurusan taman bandar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, menerusi memorandum perjanjian (MOA) yang ditandatangani Selasa, usaha meningkatkan kualiti kehidupan warga kota menjadi satu dimensi baru.

FRIM, katanya, akan memberi latihan pengurusan landskap dan herbarium kepada pihak DBKL, selain menguruskan Taman Botani Perdana, Taman Koleksi Khas iaitu Taman Dusun Bandar, Taman Rimba Bukit Kerinchi dan Taman Rekreasi Awam serta pembangunan landskap bandar.

MOA ditandatangani Ahmad Phesal yang mewakili DBKL, manakala FRIM diwakili Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abdul Latif Mahmud.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022865>